

Ekspedisi kayak uji ketahanan diri pelajar

Aktiviti berkenaan merupakan sebahagian daripada sukatan subjek kokurikulum yang perlu diikuti pelajar

■ MOHD NOOR FARIHAN

SUNGAI MIANG - Bagi memastikan setiap anggotanya mempunyai kekuatan secara fizikal dan mental, Persatuan Kokurikulum Kayak 2007 Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah mengadakan satu ekspedisi berkayak di Casuarina Beach Resort di sini semalam.

Program ini telah berlangsung selama dua hari dan disertai oleh seramai 25 orang pelajar dengan diiringi oleh seorang jurulatih yang berpengalaman.

Menurut ketua program tersebut, Mohd Azhar Azman, 21, aktiviti berkayak ini adalah merupakan salah satu aktiviti yang terdapat dalam sukatan mata pelajaran yang diambil oleh setiap pelajar dalam subjek ko-



berkayak

daripada peserta ekspedisi

berkayak

begitu bersemangat meneruskan aktiviti

kurikulum.

Kebanyakan pelajar yang terlibat dalam aktiviti berkayak ini merupakan pelajar-pelajar semester 3.

"Antara tujuan program berkayak ini dia-

dakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada semua pelajar mengenai asas-asas pengendalian kayak yang betul serta cara-cara mengendalikan kayak ketika berada di lautan dan juga

sungai.

"Dengan program berkayak ini juga ia secara tidak langsung dapat memupuk semangat kerjasama di antara anggota kumpulan dan aspek ini sangat penting ketika

peserta berada di tengah laut," katanya.

Sementara itu, salah seorang peserta yang ditemui, Emma Sofia Zulkifli, 20, berkata ekspedisi ini merupakan pengalaman pertamanya mengendalikan kayak di lautan serta sungai dan ia pasti sukar untuk dilupakan.

"Pengalaman sebegini jarang sekali dapat saya rasai dan alhamdulillah melalui penyertaan saya dalam aktiviti berkayak ini ia secara tidak langsung dapat memberikan satu pengalaman baru," katanya.

Sementara itu menurut jurulatih pengiring Azhar Wahab, 41, pemilihan tempat di Casuarina Beach Resort Sungai Miang, Pekan ini adalah tepat dan bersesuaian kerana kawasannya lebih mencabar.



Akhbar
komuniti
orang
Pahang